

19 January 2026

Kepada semua ahli PERGERAQ yang dihormati,

MARHABAN YA RAMADHAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

PENGESAHAN KEAHLIAN-KEMASKINI MAKLUMAT AHLI

Pihak Sekretariat PERGERAQ telah mengambil inisiatif untuk menambah baik pengurusan keahlian dengan memperkenalkan proses digitalisasi. Kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Sistem Pengurusan Keahlian baharu telah dibangunkan dan bakal dapat diakses melalui laman web pergeraq.sg.

Sistem ini berfungsi sebagai platform maya yang menghubungkan semua ahli jemaah, pelajar serta penyokong dalam satu sistem yang bersepadu. Melalui sistem ini, ahli boleh mengesahkan keahlian mereka dengan mengemas kini maklumat peribadi secara langsung. Bukan ahli juga boleh buat permohonan secara atas talian menerusi portal ini.

Maklumat dalam sistem ini akan diselaraskan bersama data pendaftaran bagi program atau kursus anjuran PERGERAQ. Ini membolehkan Sekretariat pantau dan memberi keistimewaan kepada ahli PERGERAQ.

Kebanyakan data ahli yang ada sekarang adalah dari 20 tahun yang lalu. Ramai ahli telah undur diri secara senyap. Latihan administrasi sekarang adalah untuk mendapat kepastian mereka yang masih menganggap diri mereka sebagai ahli PERGERAQ.

Bagi memastikan data yang dikumpul adalah tepat dan terkini, Sekretariat menggesa semua ahli untuk melayari portal ummah.pergeraq.sg dan mengemaskini maklumat masing-masing. Sekretariat perlu pengesahan keahlian dan kemaskin maklumat ahli sebelum AGM DWI-Tahunan PERGERAQ pada 31 May 2026, insyaAllah. Antara maklumat yang perlu dikemaskini adalah:

- Nama mengikut NRIC
- Nombor NRIC (4 digit terakhir dan abjad)
- Tarikh lahir
- Nombor telefon bimbit
- Alamat emel
- Alamat rumah

Mereka yang E-mel & NRIC ada dalam sistem, boleh langsung Login/Masuk. Password Tuan/Puan adalah 3 angka terakhir NRIC + abjad (contoh-123A).

Mereka yang tidak dapat Login/Masuk bermakna E-mel/NRIC Tuan/Puan tiada dalam sistem. Tuan/Puan perlu isikan infomasi melalui pautan tertera:
<https://tinyurl.com/PGQ-KEMASKINI-MAKLUMAT-AHLI>.


Sekretariat akan masukkan infomasi terkini Tuan/Puan dalam sistem dan akan hubungi Tuan/Puan untuk buat pendaftaran semula sebagai kepastian keahlian.

Kerjasama dan sokongan berterusan daripada Tuan/Puan sangatlah kami hargai demi memperkukuhkan visi dan kesinambungan PERGERAQ. Mohon agar tindakan ini dapat diambil dengan segera selewatnya **27 FEBRUARY 2026**.

Jika ada sebarang pertanyaan, Tuan/Puan boleh menghubungi Sekretariat support: Hanafiah @ 9828 1984 atau Zubaidi @ 9879 8865.

Bersama surat ini, saya lampirkan panduan untuk melayari portal keahlian ummah.pergeraq.sg.


Salam hormat,




Mohd Hanafiah Tumin
Setiausaha Eksekutif
19 Januari 2026

Panduan LOGIN/MASUK ke portal Keahlian PERGERAQ:

1. Kunjungi pautan berikut: ummah.pergeraq.sg



2. Masukkan alamat e-mel yang anda gunakan ketika mendaftar.
3. Password Tuan/Puan 4 angka terakhir NRIC (contoh-123A)



4. Tekan butang "Submit".
5. Kemaskini maklumat Tuan/Puan dalam borang tertera.

Member Registration

Lengkapkan semua untuk pendaftaran

Personal Information | Maklumat Peribadi

Full Name *

Nama Penuh Seperti Dalam Kad Pengenalan

Last 4 Digit NRIC *

4 ANGKA TERAKHIR NRIC ANDA

D.O.B | Tarikh Lahir *

dd/mm/yyyy

Age | Umur

Auto-calculated

Gender | Jantina *

Male

Female

Asatizah Recognition Scheme (ARS)

None

T1

T2

Mobile Number *

No. Tel. Bimbit

Phone Number

No. Tel. Rumah

Email Address *

Masukkan Emel Anda

Sokongan dan kerjasama Tuan/Puan sangat kami hargai.

[2]